

SENAT 112

**MINIT MESYUARAT SENAT KE-112  
BIL. 10 TAHUN 1995**

**TARIKH : 17 DISEMBER 1995 (AHAD)**  
**MASA : 9.30 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT SENAT**

**HADIR**

**Pengerusi**

Naib Canselor  
Y. Bhg. Dato' Dr. Shamsuddin Kassim

**Timbalan Naib Canselor**

Akademik  
Prof. Madya Dr. Mohd. Salleh Haji Din

Hal-Ehwal Pelajar  
Prof. Dr. Mohd. Nawi Ab. Rahman

Pembangunan  
Prof. Madya Dr. Jamalludin Sulaiman

**Dekan**

Encik Abdurrahman Zuhair Sheik Mohmood  
Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik

Prof. Madya Dr. Razali Mat Zin  
Sekolah Ekonomi

Prof. Madya Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri  
Sekolah Pembangunan Sosial

Prof. Madya Dr. Mohamad Hanapi Mohamad  
Sekolah Pengurusan

Encik Abdul Halim Haji Hassan  
Sekolah Perakaunan

Prof. Madya Shahrum Hashim  
Sekolah Teknologi Maklumat

Prof. Madya Dr. Ibrahim Abdul Hamid  
Sekolah Siswazah

**1.2.2 m.s. 4, minit 1.2.3 - CADANGAN MENUKAR  
NAMA PROGRAM IJAZAH SARJANAMUDA  
PENTADBIRAN AWAM DENGAN KEPUJIAN**

Mesyuarat

i. mengambil ingatan

- (a) bahawa mesyuarat jawatankuasa peringkat Sekolah Pengurusan Sosial (SPS) yang dianggotai oleh wakil-wakil sekolah lain telah diadakan pada 11 September 1995 dan pada prinsipnya mesyuarat telah bersetuju dengan perubahan nama yang dicadangkan iaitu daripada Ijazah Sarjanamuda Pentadbiran Awam dengan Kepujian [BPA (Hons)] kepada Ijazah Sarjanamuda Pengurusan dengan Kepujian [Bachelor of Management (Hons)] dengan pindaan kepada struktur program;

CHAIRMAN'S  
INITIALS

## SENAT 112

## TINDAKAN/PERHATIAN

- (b) bahawa mesyuarat Lembaga SPS Ke-13 Bil. 8 pada 22 Oktober 1995 telah bersetuju mengemukakan cadangan tersebut dengan pindaan kepada struktur program untuk pertimbangan Senat;
- (c) tentang pandangan bahawa nama Pentadbiran Awam tidak sesuai kerana nama ini membawa konotasi bahawa graduan program ini sesuai berkhidmat di sektor awam sahaja. Walhal dari segi kandungan kurikulum, program ini menyediakan pelajar untuk berkhidmat di mana-mana sektor termasuk swasta;
- (d) bahawa perkara i (c) di atas telah dirasai benar oleh pelajar pentadbiran awam yang ingin berkhidmat di sektor swasta;
- (e) bahawa amalan menawarkan program Ijazah Sarjanamuda Pengurusan telah dilaksanakan di beberapa buah universiti di luar negara seperti The University of Greenwich dan University of Sunderland di United Kingdom serta Florida State University Tallahase dan University of North Carolina, Charlotte di Amerika Syarikat;
- (f) tentang pandangan bahawa sesuatu perubahan yang hendak dilakukan hendaklah mengambilkira perubahan dari segi jangka panjang. Oleh itu, SPS dicadangkan supaya menumpukan perhatian kepada penawaran kursus-kursus yang bercorak 'liberal arts' untuk tujuan pembinaan bangsa;
- (g) tentang pandangan bahawa perubahan yang hendak dilakukan bukanlah sekadar perubahan dari segi nama sahaja, tetapi kandungan kursusnya hendaklah turut berubah mengikut perubahan nama yang dicadangkan;
- (h) tentang pandangan supaya nama-nama sekolah perlu dilihat semula sesuai dengan ijazah yang dikeluarkan.

**SENAT 112**

**TINDAKAN/PERHATIAN**

**ii. bersetuju**

- |     |   |                     |
|-----|---|---------------------|
| (a) | dengan cadangan pertukaran nama Ijazah Sarjanamuda Pentadbiran Awam dengan Kepujian [BPA (Hons)] kepada Ijazah Sarjanamuda Pengurusan dengan Kepujian [Bachelor of Management (Hons)] tertakluk kepada kandungan program ini dikaji semula di mesyuarat JKPA; | Dekan SPS           |
| (b) | tarikh kuatkuasa pertukaran ini adalah mulai Semester Julai Sesi 1996/97;   | Dekan SPS           |
| (c) | supaya cadangan pertukaran nama sekolah-sekolah dilakukan pada masa hadapan jika didapati nama yang ada sekarang tidak sesuai mengikut perubahan masa.  | Dekan-Dekan Sekolah |

----- CADANGAN MENGERTAI -----